

Headline	NFCP teras pendapatan baharu TNB		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Nov 2019	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Bisnes	Page No	20
ArticleSize	255 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 25,332		



## NFCP teras pendapatan baharu TNB

**Sektor** telekomunikasi bakal menjadi teras pendapatan baharu Tenaga Nasional Bhd (TNB) menerusi pembabitannya secara kritikal dalam menjayakan pembangunan Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, berkata TNB memiliki infrastruktur rangkaian kabel elektrik yang luas menghubungkan 9.1 juta sambungan kediaman dan komersial dan menyalurkan elektrik kepada 99.92 peratus rakyat di Semenanjung.

Katanya, dengan keupayaan itu, gergasi sektor tenaga terbahit

mampu meneroka pembangunan infrastruktur baharu di Malaysia dengan membawakan ketersambungan liputan internet ke kawasan yang tidak pernah diteroka sebelum ini.

Beliau berkata, TNB mampu membuatkan projek itu lebih berdaya komersial kerana infrastrukturnya lebih dekat dengan kawasan yang tidak menerima liputan internet ditambah lagi kepakaran organisasi itu yang berpengalaman luas dalam perluasan transmisi utiliti di semenanjung sejak 70 tahun lalu.

"Terlalu banyak kawasan di Malaysia yang masih belum menerima liputan dan kelajuan internet yang sepatutnya.

Kami dapati jalur lebar memiliki model perniagaan yang sama seperti utiliti yang TNB lakukan kini.


"Di kawasan bandar pun ada yang belum memiliki sambungan internet kerana penyedia perkhidmatan telekomunikasi tidak melihat nilai komersial maka kami boleh laksanakan jika ada Dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (Universal Service Provision (USP) atau dibiayai bersama kerajaan," katanya kepada BH dalam temubual di sini, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata selepas kejayaan projek di Jasin, Melaka, Lembaga Pengarah TNB kini memberikan ruang

untuk organisasi itu meneruskan sambungan infrastruktur jalur lebar itu kepada 135,000 kediaman lagi.

Katanya, sebahagian besarnya berada di kawasan bandar yang masih belum menerima perkhidmatan gantian optik kerana dianggap tidak berdaya komersial atau masih menggunakan rangkaian kabel tembaga.

"Perkhidmatan ini memerlukan penyedia peruncitan telekomunikasi menarik wayar daripada pusat infrastruktur mereka, namun bagi TNB memang sudah ada infrastruktur terus ke kediaman mereka, justeru kos infrastruktur kami jauh lebih rendah berbanding mereka," katanya.

 **Menjelang awal tahun depan, kami mungkin akan meneroka negeri lain kerana pasukan kami sudah mendapat kelulusan untuk melaksanakannya, manakala bagi pantai timur, kami mungkin masuk jika dapat mencari kawasan yang ada nilai komersial kelak.**

**Amir Hamzah Azizan,**  
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Bhd